

**Maximus Ongkili dilantik Pengerusi Jawatankuasa Terpilih Parlimen
Utusan Online
September 23, 2011**

PUTRAJAYA 22 Sept. - Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Terpilih Parlimen (JTP) mewakili Barisan Nasional (BN) untuk mengkaji dan menambah baik sistem serta proses pilihan raya negara.

Ketika mengumumkan perkara itu, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Maximus yang merupakan wakil bagi Sabah dan Kadazan akan turut dibantu oleh empat lagi wakil daripada parti komponen BN.

"Mereka ialah Datuk Alexander Nanti Linggi (Kapit) bagi wakil Sarawak dan Iban serta Datuk Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) yang mewakili UMNO.

"Tan Sri Dr. Fong Chan Onn (Alor Gajah) untuk wakil MCA manakala P. Kamalanathan (Hulu Selangor) mewakili MIC, pelantikan mereka ini telah dipersetujui Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga kali ke-3 di sini hari ini.

Menurut Muhyiddin, usul-usul akan dibentangkan di Dewan Rakyat untuk dibahaskan awal bulan depan semasa berlangsungnya persidangan Dewan Rakyat bagi sesi akan datang.

Kata beliau, ahli-ahli JTP itu akan diberi tempoh selama enam bulan untuk membincangkan secara khusus cadangan-cadangan penambahbaikan urusan pilihan raya di Parlimen sebelum diserahkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya.

"Keputusan akan diambil mengikut suara terbanyak, saya mahu semua pihak yang bukan sahaja BN tetapi juga anggota pembangkang terlibat menyuarakan pandangan masing-masing.

"Ini kerana pada akhirnya nanti proses penambahbaikan proses urusan pilihan raya dapat dijalankan dengan mengambil kira pandangan semua pihak dan memantapkan lagi sistem demokrasi dalam negara kita," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0923&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm